



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

25 OGOS 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

25 OGOS 2022 (KHAMIS)

Peniaga didenda jual minyak masak melebihi harga siling

Anggota KPDNHEP menyamar jadi pelanggan bayar RM41.90 sebotol

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Seorang pemilik kedai runcit di Ketereh, di sini, dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kerana menjual minyak masak botol melebihi harga siling runcit ditetapkan.

Kegiatan lelaki warga Pakis-

tan itu dikesan susulan penyamaran dilakukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kelmarin, susulan aduan diterima daripada pelanggan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Aswadi Jaafar, anggotanya yang menyamar sebagai pelanggan membuat bayaran RM41.90 untuk sebotol minyak masak lima kilogram (kg).

Ia melebihi harga maksimum ditetapkan, iaitu RM34.70 untuk minyak masak sawit dalam botol 5kg bermula 8 Ogos.

Peringatan untuk peniaga


Susulan itu, katanya, serbuan dijalankan ke atas premis disusuli sitaan lima unit minyak masak botol kuantiti 5kg jenama sama dengan anggaran nilai RM209.50

untuk siasatan mengikut AKHAP 2011.

"Serahan Notis Pengesahan Maklumat Barangan dan Notis Bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 juga dibuat dan pemilik premis perlu mengemukakan maklum balas dalam masa ditetapkan.

"Harga siling runcit minyak masak tulen kemasan botol seluruh negara ditetapkan kerajaan menerusi mekanisme penentuan harga siling runcit botol, iaitu RM7.70 untuk botol sekilogram, RM14.70 (2kg), RM21.70 (3kg) dan RM34.70 (5kg)," katanya.

Sementara itu, beliau memberi supaya peniaga sentiasa mematuhi arahan perundangan kerajaan bagi memastikan keharmonian urusan perdagangan perniagaan antara peniaga dan pengguna.



Anggota penguat kuasa KPDNHEP memeriksa sebuah kedai runcit yang menjual minyak masak botol melebihi harga siling susulan aduan diterima daripada pelanggan di Ketereh. (Foto ihsan KPDNHEP)



PENGUAT KUASA KPDNHEP mengeluarkan notis kepada pemilik kedai runcit.

Warga Pakistan didenda jual minyak masak melebihi harga siling runcit

Kota Bharu: Lelaki warga Pakistan yang juga pemilik sebuah kedai runcit di Kerteh di sini, didenda kerana menjual minyak masak botol melebihi harga siling runcit kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan Aswadi Jaafar berkata, hasil

maklumat awam, anggotanya kemudiannya menyamar sebagai pembeli.

"Anggota kami membeli sebotol minyak masak lima kilogram yang dijual pada harga RM41.90 dan ia melebihi harga siling runcit ditetapkan kerajaan.

"Mela-

lui bukti termasuk resit pembelian, kami menyita lima botol minyak masak lima kilogram berjumlah

RM209.50. Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pen-

catutan 2011," katanya pada kenyataan semalam.

Menurut Aswadi,

pemilik premis warga Pakistan itu perlu mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan berkaitan kes terbabit.

Untuk rekod, harga siling runcit minyak masak tulen kemas botol yang ditetapkan kerajaan ialah RM7.70 untuk sekilogram, RM14.70 (dua kilogram), RM21.70 (tiga kilogram) dan RM 34.70 untuk lima kilogram.

Lima botol minyak masak lima kilogram berjumlah RM209.50 disita

Kedai kena kompaun

Jual minyak masak
botol 5kg melebihi
harga siling

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan mengeluarkan kompaun ke atas sebuah kedai runcit di Ketereh yang didapati menjual minyak masak botol lima kilogram (kg) pada harga RM41.90.

Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Kelantan, Aswadi Jaafar berkata, tindakan itu diambil selepas kedai runcit tersebut menjual bahan mentah itu melebihi harga siling ditetapkan kerajaan iaitu RM34.70.

"Anggota bertugas telah menyamar sebagai pelanggan untuk mengesahkan aduan yang diterima. Hasil penyamaran itu



KPDNHEP Kelantan mengeluarkan kompaun ke atas sebuah kedai runcit menjual minyak masak botol 5kg pada harga RM41.90 di Jalan Kuala Krai-Kadok di Ketereh, Kota Bharu pada Rabu.

mendapati minyak masak botol 5kg dijual pada harga RM41.90 selepas membuat pembayaran berserta resit," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Tambahnya, seorang lelaki warga asing berumur 40-an yang disyaki pemilik bersama premis tersebut ditahan untuk siasatan.

"Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 kerana menjual

barangan harga terkawal melebihi harga siling runcit ditetapkan kerajaan," jelasnya.

Bermula 8 Ogos hingga 7 September 2022, harga siling runcit minyak masak tulen kemasan botol seluruh Malaysia yang ditetapkan kerajaan ialah 1kg berharga RM7.70, 2kg berharga RM14.70, dan 3kg berharga RM21.70 manakala bagi 5kg adalah RM34.70 sebotol.

KPDNHEP serbu kedai runcit selepas terima aduan

Padah jual minyak masak 5kg RM41.90

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU – Sebuah kedai runcit di Jalan Kota Bharu-Kuala Krai dekat Kadok diserbu pihak berkuasa di sini setelah didapati menjual minyak masak botol lima kilogram (kg) pada harga RM41.90 iaitu melebihi harga siling ditetapkan kerajaan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, Aswadi Jaafar berkata, serbuan dijalankan di premis tersebut kelmarin selepas pihaknya menerima aduan orang ramai kedai runcit itu menjual barang kawalan melebihi harga siling.

Menurutnya, sebelum serbuan dilakukan, anggota KPDNHEP telah membuat risikan awal dan penyamaran uji beli sebelum mengesahkan minyak masak botol 5kg itu dijual pada harga RM41.90 di premis tersebut.

"Semasa serbuan dijalankan, kita telah menyita sebanyak lima unit minyak masak botol 5kg daripada seorang lelaki warganegara asing berusia dalam lingkungan 40-an yang disyaki pemilik bersama premis tersebut.

"Anggota penguat kuasa KPDNHEP telah menyerahkan Notis Pengesahan Maklumat Ba-



SEBANYAK lima botol minyak masak yang dijual pada harga RM41.90 sebotol di sebuah kedai runcit dekat Kadok, Kota Bharu disita dalam serbuan kelmarin.

rangan Dan Notis Bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang menuntut pemilik premis mengemukakan maklum balas dalam masa yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Aswadi, harga siling runcit minyak masak botol tidak bersubsidi 1kg sepatutnya dijual

pada harga RM7.70, 2kg (RM14.70) dan 3kg (RM 21.70) dan 5kg (RM 34.70) sebotol.

Katanya, bermula 8 Ogos hingga 9 September ini, harga siling runcit minyak masak tulen kemasan botol ditetapkan berdasarkan harga purata bulanan minyak sawit mentah yang ditentukan Lembaga Minyak Sawit Malaysia setiap awal bulan.





International Franchise Conference

In Conjunction With
Franchise International Malaysia 2022
 Rebuilding Growth, Spurring Excellence

8 - 9 September 2022

Hall 7
 Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

SPEAKERS LINE-UP

 Paul Ong Crystal County Franchise	 Zafira Alias Education Franchise	 Datuk Dr. Radzali Ramdan Marsyia International Sdn Bhd	 Datuk Seri Richard Ong MFI Franchise Malaysia	 Helen Naidu Jaya Raya Franchise (M) Sdn Bhd	 Mohamed Al Hattari Al Hattari Franchise (M) Sdn Bhd	 Chung Lynn Mei Mandala Franchise	 Dennis Leo MFI Franchise Malaysia
In The Hood: Family Ties in Business Management	Industry Update: Education Franchises In Troubled Waters?	What's What: Business Continuity Successful Factors	What's What: Business Continuity Successful Factors	Looking Into The Crystal Ball: Why Franchise Be Relevant In 20 years?	We Believe In Franchising	The Chicken Orator: Eat More or Less?	Changing Industry Landscapes: Renouwing Your Business
 Albert Kong Marsyia International	 Anizudin Mohd Nizar Siti Khadijah	 Amran Abd Haniff MFI Franchise Malaysia	 Yip For Loon MFI Franchise Malaysia	 Dr Eddie Chin Dorland Education Franchise	 Arnold M JDE Franchise	 Jeffers Lim MFI Franchise Malaysia	
Franchise In or Out: Why Franchising is the Better Choice?	In The Hood: Family Ties in Business Management	Changing Industry Landscapes: Renouwing Your Business	Opportunities & Myths: A Real Industry for The World	Industry Update: Education Franchises In Troubled Waters?	Fix It: Attracting Private Equity Partnership	In The Hood: Family Ties in Business Management	

Great Speakers With Great Topics. Register now!

RM 699

10% Discount
for group registration (minimum 3 pax)

20% Discount
for MFA Members

For more info, please contact: +603-6241 4141 (Syamim/Izzat)

Endorsers:


Sponsors:


Strategic Partners:


Supported by:




Scan to register



myfim.my/conference

Senarai Harga Barang Keperluan							
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.90	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM12.00
• Daging Lembu Tempatan	RM36.00	• Ikan Kembung	RM9.99	• Bawang Besar Holland	RM2.99	• Kubis Tempatan	RM3.20
• Daging Lembu Import	RM53.00	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM5.00	• Tepung Candum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
25-Aug	SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT KOMUNITI WAJAR DIPERTINGKAT	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/992265/sambutan-hari-kebangsaan-peringkat-komuniti-wajar-dipertingkat	BH
25-Aug	National Day celebrations at community level can be intensified: Annuar	https://www.thesundaily.my/home/national-day-celebrations-at-community-level-can-be-intensified-annuar-BM9680928	THESUN
25-Aug	KPDNHEP serbu kedai runcit jual minyak masak botol lebih harga siling	https://www.kosmo.com.my/2022/08/24/kpdnhep-serbu-kedai-runcit-jual-minyak-masak-botol-lebih-harga-siling/	KOSMO
25-Aug	Lelaki Pakistan didenda jual minyak masak botol melebihi harga siling	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2022/08/992179/lelaki-pakistan-didenda-jual-minyak-masak-botol-melebihi-harga-siling	BH
25-Aug	PADAH JUAL MINYAK MASAK BOTOL LEBIH HARGA SILING	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/874897/padah-jual-minyak-masak-botol-lebih-harga-siling	HM
25-Aug	Kedai runcit jual minyak masak botol lebih harga siling dikompaun	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/217974	SH
25-Aug	Kedai runcit jual minyak masak botol lebih harga siling dikompaun	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/874987/500000-batang-rokok-seludup-ditemui-di-tepi-sungai	HM
25-Aug	500,000 batang rokok seludup ditemui di tepi sungai	https://my-tv.online/2022/08/24/500000-batang-rokok-seludup-ditemui-di-tepi-sungai/	MYTVONLINE
25-Aug	ANNUAR HOPES NATIONAL DAY IS CELEBRATED AT COMMUNITY LEVEL	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/25/annuar-hopes-national-day-is-celebrated-at-community-level	THESTAR

25-Aug	KERAJAAN PENTINGKAN KETERBUKAAN PENYELESAIAN MASALAH KELUARGA	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/992455/kerajaan-pentingkan-keterbukaan-penyelesaian-masalah-keluarga	BH
25-Aug	LELAKI DITAHAN BERSAMA 595KG MINYAK MASAK PEKET BERSUB- SIDI	https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/lelaki-ditahan-bersama-595kg-minyak-masak-peket-bersubsidi/	UM